

25/09/2003

Intelek muda layak jadi wakil rakyat: Hishammuddin

Kadir Dikoh; Misiah Taib

KUALA LUMPUR: Wakil rakyat yang sudah berusia dan tidak lagi berkesan perlu digantikan dengan muka baru khususnya daripada kalangan pemimpin muda dalam pemilihan calon bagi pilihan raya umum akan datang, kata Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein.

Sambil menyatakan sokongan padu terhadap kriteria pemilihan calon BN seperti yang dinyatakan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kelmarin, beliau berkata usia dan keberkesanan perlu diambil kira dalam menentukan keupayaan calon.

Katanya, dalam suasana kebanyakan pengundi terdiri daripada golongan muda dan kalangan cerdik pandai sekarang, adalah penting untuk menonjolkan lebih ramai muka baru daripada kalangan pemimpin muda.

"Pengundi muda ini akan menilai calon kita. Mereka akan menilai kewibawaan, keyakinan dan kebolehan calon, bukan saja calon BN tapi juga parti pembangkang.

"Saya berjanji, jika diberi peluang sesiapa saja calon yang akan kita ketengahkan melalui Pemuda, saya akan bertanggungjawab di atas kewibawaan dan kemampuan mereka," katanya pada sidang media selepas mesyuarat pasca Kabinet di pejabatnya di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas kenyataan Timbalan Presiden Umno merangkap Timbalan Pengerusi BN itu mengenai kriteria calon BN pada pilihan raya umum akan datang yang antara lain perlu berwibawa dan sanggup bekerja kuat.

Pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno Jumaat lalu, Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, timbalannya yang akan mengambil alih kepemimpinan Umno, akan menentukan calon pilihan raya umum akan datang.

Hishammuddin yang juga Pengerusi Pemuda BN berkata, jika golongan muda diketengahkan sebagai muka baru pada pilihan raya umum akan datang, ini bermakna itu bukan pilihan raya terakhir bagi mereka, jika mereka dipilih dan berjaya membuktikan kewibawaan.

"Jika kita mahu dipilih sekali lagi sebagai calon pada pilihan raya akan datang, kita kena buktikan dengan ruang yang diberikan itu.

"Sebab itu penting bagi kita mengenalpasti pemimpin muda yang boleh diterima orang ramai. Kalau pengundi terdiri daripada cerdik pandai, mereka pastinya menuntut calon yang boleh mengisi harapan dan aspirasi mereka," katanya.

Hishammuddin percaya Abdullah mampu melaksanakan dan merealisasikan harapan seluruh rakyat apabila mengambilalih kepemimpinan negara selepas Oktober ini.

Sementara itu, pensyarah Sains Politik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Mohammad Agus Yusoff, berkata calon yang dipilih untuk bertanding dalam pilihan raya umum akan datang mestilah berilmu sesuai dengan tuntutan semasa bagi membantu menjana pembangunan negara.

Beliau berkata, calon yang berilmu akan dapat membuat perancangan yang baik dan bijak.

"Memang banyak kriteria diperlukan untuk memilih calon dan kriteria asas seperti rajin dan komited memang perlu ada. Yang ada pengalaman dan duit, jika tidak berilmu tidak akan menjadi seorang pemimpin yang baik.

"Oleh itu, calon yang berilmu akan dapat menonjolkan kewibawaannya memimpin kerana ahli politik mesti bekerja untuk rakyat dan memang memerlukan komitmen," katanya ketika dihubungi, semalam.

Mohammad Agus berkata, agak malang sesetengah wakil rakyat sekarang yang bukan tidak ada ilmu, malah kurang berdisiplin termasuk tidak memberi sumbangan bermakna ketika berada di Dewan Rakyat.

"Mereka keluar masuk Parlimen dan tak beri sumbangan idea yang bermakna

ketika mengambil bahagian dalam perbincangan isu tertentu.

"Sebenarnya, ada tiga jenis pemimpin. Antaranya pemimpin siaran iaitu yang nampak hebat, popular dan kerap bercakap dalam media dan kedua, pemimpin jadian yang lahir menjadi seorang ahli politik berikutan keadaan ketika itu.

"Yang ketiga ialah pemimpin ukuran iaitu pemimpin yang baik, berkualiti dan boleh menjadi contoh," katanya.